

25/04/2000

Demonstrasi 'tidak salah' jika sokong Washington

Chairil Anuar

PERBANDINGANNYA amat ketara. Kepura-puraannya amat menyerlah. Dalam satu edisi saja, International Herald Tribune mendedahkan keangkuhannya dan kecenderungannya dalam mendukung kepentingan Washington yang rakus - rangkuman manusia bebas, pasaran bebas - sambil mengesahkan kedangkalannya terhadap isu membabitkan Malaysia.

Media antarabangsa terperangkap dalam semacam dilema. Dua demonstrasi berlaku pada hujung minggu - satu di Washington dan satu lagi di Kuala Lumpur. Demonstrasi di Kuala Lumpur dapat dibendung berikutan kawalan ketat polis.

Bagaimanapun, lain pula ceritanya di Washington. Puak kiri antiglobalisasi merusuh dan bertempur dengan polis bandar raya Washington yang menggunakan kekerasan untuk mengawal keadaan.

Tribune membelakangi tanggungjawab editorialnya dengan memperkecilkan bantahan di Washington dalam edisi Isninnya (17 April), sebaliknya memaparkan gambar demonstrasi di Kuala Lumpur pada muka depannya dan kemudian penangkapan Naib Presiden Keadilan, Tian Chua di bawah tajuk, 'Demonstrasi pro-Anwar digempur'.

Tidak kisah berapa jumlah penunjuk perasaan yang ditahan di Kuala Lumpur kerana mengambil bahagian dalam apa yang dikatakan 'Black 14', hanya 48 orang tidak termasuk tujuh pemimpin mereka yang ditahan sebelum dan selepas peristiwa itu. Bandingkan berita ini dengan laporan mengenai antara 700 hingga 1,300 tangkapan dibuat di Washington dalam tempoh tiga hari. Sudah tentu jika ada tindakan gempur oleh polis, ia tidak berlaku di Kuala Lumpur.

Seolah-olah kecenderungan liputan berita berkenaan tidak mencukupi, editor Tribune yang serba boleh menyiarkan editorial dari Washington Post (syarikat induk Tribune) bertajuk 'Bantahan salah'.

Jangan tersalah anggap bahawa tajuk berkenaan merujuk kepada penunjuk perasaan di Kuala Lumpur dan Washington - ia ditujukan hanya kepada penunjuk perasaan di Washington. Minda pengarang berkenaan tanpa segan silu dan secara terus terang memihak dan mendukung kepentingan Washington.

Ia mendakwa, "apabila beribu-ribu penunjuk perasaan merusuh di jalan raya untuk menuntut pemansuhan institusi berkenaan (IMF dan Bank Dunia) sudah tiba masanya untuk mengeneipkan ungkapan indah dan mengatakan dengan terus terang: "Nasib berbilion manusia yang mahu keluar daripada belunggu kemiskinan lebih terbelah dengan adanya IMF, Bank Dunia dan sistem perdagangan terbuka berbanding tanpa kewujudannya."

Ia terus mengatakan, "Pemimpin penunjuk perasaan mengecam model pembangunan berasaskan eksport yang diajukan oleh IMF dan Bank Dunia sebagai ekonomi meleleh (trickle-down economic), iaitu ungkapan yang bermaksud hanya kumpulan elit dan syarikat besar meraih faedahnya. Tetapi model pembangunan ini telah menghasilkan pengurangan kadar kemiskinan yang terbesar dan terpantas dalam sejarah."

Sambil membidas penunjuk perasaan di Washington itu pada akhir minda pengarang itu, ia menganjurkan mereka lebih baik meraikan globalisasi bukan menghentamnya. Begitu mudah, mengagungkan institusi pelbagai hala yang mendukung kepentingan Washington - mengeneipkan pelbagai cemuhan dan keputusan salah yang telah dibuat.

Malaysia pernah mendedahkan dasar pemulihan IMF yang salah dalam menangani krisis kewangan Asia. Jika benar sebagaimana yang dinyatakan dalam minda pengarang itu, iaitu institusi IMF dan Bank Dunia adalah orang

tengah budiman dalam membasmi kemiskinan dan pembangunan manusia, bagaimana kita mentakrif kos sosial yang melumpuhkan negara yang meminta bantuan IMF seperti Korea Selatan, Thailand dan Indonesia?

Bagaimana kita mentakrif pinjaman IMF kepada negara terbabit yang digunakan untuk membayar balik pinjaman (dalam dolar Amerika) negara-negara itu kepada bank asing yang tidak melaksanakan penilaian risiko yang mantap? Bagaimana pula kita mentakrif dasar penstrukturan semula negara miskin di Afrika yang terus terpaksa mengambil pinjaman dan bantuan hanya untuk membayar kadar faedah atas pinjaman lalu (pinjaman pokok tetap kekal) kepada institusi-institusi kewangan Barat?

Tidak mengapa dengan kepentingan Washington dan hanya beri tumpuan kepada kaedahnya. Apa yang dinyatakan dalam minda pengarang adalah memperlekehkan bantahan dan mengizinkan keganasan polis dengan mengatakan, bantahan berkenaan adalah salah. Salah kerana, menurutnya, landasan bantahan `globalisasi membawa padah' berasaskan anggapan yang salah.

Dalam hal ini, apa yang sepatutnya turut diulas dengan judul `Bantahan Adalah Salah: Yang kedua', yang mengecam tindakan sebahagian parti pembangkang untuk mengadakan demonstrasi yang tidak wajar di Kuala Lumpur tidak pula dilakukan.

Sebaliknya, liputan berita mengenai demonstrasi di Kuala Lumpur menonjolkan kritikan dan sindiran yang lumrah: Aktivis demokrasi dari kalangan pembangkang di sebuah negara diktator terpencil dikasari dan dipukul oleh polis yang bersenjata; hak rakyat diabaikan dengan rakus; penguatkuasaan kuasa polis yang mana sesiapa pun tidak selamat dan tidak bebas.

Kecondongan berita itu amat jelas kerana demonstrasi yang dimaksudkan membabitkan anak emas Washington, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Kritikan akhbar asing tidak pernah dihuraikan atau dinyatakan rasionalnya seperti editorial yang mengecam penunjuk perasaan Washington.

Tiada cubaan Tribune untuk memberi penjelasan bahawa:

\* Demonstrasi di Kuala Lumpur adalah haram atau Parlimen telah menetapkan undang-undang yang menghadkan hak rakyat untuk berkumpul bagi melindungi kepentingan awam - satu peruntukan penting dalam menjamin keselamatan di sebuah negara majmuk;

\* Menghuraikan bahawa objektif `pejuang demokrasi' berkenaan adalah untuk mendapatkan campur tangan istana untuk mengeneipkan sebuah kerajaan yang dipilih secara demokrasi;

\* Menghuraikan bahawa penunjuk perasaan terbabit mewakili minoriti penduduk dan segelintir pembangkang;

\* Menghuraikan bahawa rancangan mengadakan perarakan besar-besaran kononnya untuk menegakkan keadilan dan demokrasi sebenarnya adalah untuk memperingati kejatuhan politik seseorang;

\* Menghuraikan rintihan penunjuk perasaan berkenaan berasaskan telahan perkembangan semasa politik yang emosi dan tidak rasional;

\* Menghuraikan bahawa polis bertindak secara profesional dan lebih awal bagi kepentingan keselamatan; dan

\* Menulis dalam rencananya untuk `mengenepikan ungkapan indah dan mengatakan dengan berterus terang: Bantahan di Kuala Lumpur adalah salah'.

Mungkin atas sebab yang dinyatakan, golongan parti pembangkang yang matang tidak menyertai bantahan itu. Mungkin ramai daripada mereka mengetahui motif tersembunyi di sebalik demonstrasi berkenaan.

Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor, cuba memperdaya orang ramai bahawa demonstrasi berkenaan adalah satu gerakan rakyat yang membantah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Malang sekali baginya, rakan pembangkangnya, Dr Chandra Muzaffar, mengakui bahawa ia adalah mengenai Anwar.

Apabila diberi peluang untuk membahaskannya di Parlimen Isnin lalu,

Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, mengganggu jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri dengan mengimbas kembali penahanannya pada tahun 1980-an, bukannya memperkatakan isu 'Black 14'.

Apa yang jelas ialah demonstrasi berkenaan tidak mendapat sokongan keseluruhan kepimpinan barisan alternatif.

Semua ini tidak dipedulikan oleh Tribune. Tidak kisah bahawa demonstrasi itu telah dibendung untuk mengelakkan berulangnya rusuhan dan keganasan (yang dilihat pada 1998) yang boleh merencat pertumbuhan ekonomi dan keharmonian kaum Malaysia.

Tidak kisah bahawa majoriti rakyat Malaysia telah dengan tegas dan berani memberikan mandat dua pertiga majoriti kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya umum lalu untuk mengekalkan pentadbirannya.

Jelas sekali semua ini tidak diambil peduli oleh Tribune. Ia juga tidak mengambil kisah sekali pun rakyat terbanyak Malaysia gembira dengan model pembangunan BN yang telah berjaya membasmi kemiskinan, mencatat pertumbuhan ekonomi mapan, pembangunan insan dan kestabilan politik.

Tribune bukan saja tidak mahu mengakui kedangkalannya tetapi terus menunjukkan keangkuhannya. Rencana susulan mengenai demonstrasi Washington yang mana gas pemedih mata dan penyembur lada digunakan melaporkan polis dan aktivis saling memuji kerana telah menunjukkan kesabaran masing-masing.

Berlainan pula apabila membicarakan Malaysia dalam rencana susulannya yang bertajuk, 'Malaysia meneruskan gempur (terhadap penunjuk perasaan)'. Mesejnya sekali lagi tanpa segan silu, bercelaru dan memihak. Inilah kepentingan Washington yang nyata.

(END)